



YB. YEOH SOON HIN OFFICE

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN (EXCO)
NEGERI PULAU PINANG
PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF



GARIS PANDUAN BAGI PEMBUKAAN SEMULA AKTIVITI PELANCONGAN

Tarikh : 21 Oktober 2021
Disediakan oleh : Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE)

OBJEKTIF

Dokumen ini adalah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah inisiatif "Pelancongan Bertanggungjawab" sebagai garis panduan mengenai langkah-langkah memerangi wabak pandemik COVID-19. Garis panduan ini menyenaraikan prosedur operasi standard (SOP) yang diwajibkan dan digalakkan oleh kedua-dua pihak – pelancong dan penggiat-penggiat industri pelancongan.

Garis panduan ini adalah peringatan kepada semua pihak bahawa kesihatan awam perlu sentiasa didahului supaya kegiatan pelancongan dapat dijalankan secara bertanggungjawab dan lancar.

RASIONAL

Pemulihan industri pelancongan merupakan komponen yang amat penting untuk menuju ke arah normalasi. Garis panduan ini dilancarkan sebagai rujukan untuk memperingatkan semua pihak mengenai peranan masing-masing dalam pengurangan risiko transmisi virus wabak COVID-19. Ini dapat memastikan bahawa kesihatan dan keselamatan orang ramai seperti pelancong, orang tempatan serta penggiat-penggiat industri pelancongan dijamin pada setiap masa, termasuklah di tempat tarikan pelancongan dan premis-premis hotel.

Nota: Garis panduan ini akan dikemaskini mengikut situasi semasa pandemik selaras dengan Pelan Pemulihan Negera (PPN) dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan pihak-pihak berkuasa. Garis panduan yang dikemaskini akan dimuat naik ke pautan – www.petace.gov.my/SOP. Pihak-pihak berkenaan digalakkan merujuk ke pautan ini dari semasa ke semasa untuk memperolehi perkembangan yang terkini.

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi pejabat PETACE di:
+604-650 5133 ext 1133 | yeohsoonhin@penang.gov.my**





YB. YEOH SOON HIN OFFICE

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN (EXCO)
NEGERI PULAU PINANG
PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI PENGOPERASIAN TARIKAN PELANCONGAN / PREMIS HOTEL EDISI PENGGIAT-PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN

DIWAJIBKAN

- I. Menyediakan dan mengimbas kod MySejahtera (*check-in*) sebelum masuk ke tempat tarikan pelancongan / premis hotel
- II. Memeriksa dan merekod suhu badan warga / pekerja yang berkerja di tempat tarikan pelancongan / premis hotel
- III. Pelaksanaan pembersihan dan sanitasi secara kerap
- IV. Menyediakan *hand sanitizer* beralkohol yang mencukupi
- V. Mengamalkan penjarakan sosial di kalangan pekerja dan pelancong sepanjang masa
- VI. Pemakaian pelitup muka perubatan serta pelitup fabrik (dua lapis pelitup muka digalakkan) dan pelindung muka semasa bertugas
- VII. Menyemak Sijil Vaksinasi Digital pelancong melalui MySejahtera (hanya pelancong yang lengkap vaksinasi dibenarkan melakukan aktiviti pelancongan)
- VIII. Memastikan individu (pekerja dan pelancong) mengemaskini status risiko Covid-19 di MySejahtera sebelum masuk ke tempat tarikan pelancongan / premis hotel
- IX. Menyemak status risiko individu melalui MySejahtera

DIGALAKKAN

- I. Pihak pengurusan tempat tarikan pelancongan / perhotelan adalah digalakkan untuk melakukan ujian sendiri Covid-19 untuk semua pekerja setiap dua minggu sekali
- II. *Pre-booking* adalah digalakkan





YB. YEOH SOON HIN OFFICE

AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN (EXCO)
NEGERI PULAU PINANG
PELANCONGAN DAN EKONOMI KREATIF



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI KEGIATAN-KEGIATAN PELANCONGAN EDISI PELANCONG

DIWAJIBKAN

- I. Mengimbas kod MySejahtera (*check-in*) sebelum masuk ke tempat tarikan pelancongan / premis hotel
- II. Memeriksa suhu di tempat tarikan pelancongan / premis hotel
- III. Cuci tangan dengan hand sanitizer
- IV. Menunjuk Sijil Vaksinasi Digital serta status berisiko Covid-19 dalam MySejahtera kepada petugas industri pelancongan
- V. Mengamalkan prinsip sosial penjarakan
- VI. Pemakaian pelitup muka perubatan
- VII. Membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan
- VIII. Dilarang meludah sembarangan

DIGALAKKAN

- I. Pelancong digalakkan melakukan ujian sendiri Covid-19 sebelum melancong ke negeri Pulau Pinang
- II. Pemakaian pelitup fabrik dan pelindung muka

